

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 14 / 09 / 2007

Harga minyak tidak naik – PM

UM - 14/9/2007

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

● Harga minyak tertinggi dalam sejarah RM278.89 – Muka 22

KUALA LUMPUR 13 Sept. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan tidak bercadang menaikkan harga bahan bakar buat masa ini walaupun harga minyak mentah dunia mencecah paras AS\$80 setong semalam.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tetap berpegang kepada janji untuk mengekalkan harga petrol sekarang sehingga penghujung tahun ini.

Bagaimanapun, menurut beliau, segala perkembangan akan terus dipantau dengan berhati-hati terutama kesan negatif harga minyak terhadap projek-projek yang

telah dirancang oleh kerajaan.

“Kerajaan telah mengeluarkan kenyataan yang harga minyak tidak akan dinaikkan sehingga hujung 2007 dan kita tetap akan berpegang kepada kenyataan itu,” katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat ketujuh Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Bank Negara di sini hari ini.

Abdullah mengulas kenaikan terbaru harga minyak mentah dunia yang kini melonjak lebih AS\$70 setong.

Semalam, harga yang dicatatkan ialah

AS\$80 setong manakala hari ini harga yang direkodkan ialah AS\$79 setong.

Harga runcit petrol premium RON97 di Semenanjung Malaysia pada masa ini ialah RM1.92 seliter, petrol RON92 RM1.88 seliter, diesel RM1.581 seliter dan LPG RM1.75 sekilogram.

Ditanya sama ada harga minyak akan dinaikkan tahun depan, Perdana Menteri berkata, kerajaan belum membuat keputusan mengenainya. Katanya, apa jua tindakan yang diambil adalah berdasarkan kepentingan rakyat dan negara.

“Buat masa ini kita belum memutuskan

apa-apa tetapi apa yang boleh saya katakan semua agensi kerajaan termasuk Bank Negara akan memantau dan menganalisis perkembangan ini dari semasa ke semasa,” katanya lagi.

Sementara itu, Abdullah berkata, kerajaan sedia mempertimbangkan untuk menghapuskan subsidi diesel tetapi perlu wujud satu mekanisme untuk memastikan golongan yang memerlukan seperti nelayan tidak teraniaya.

“Perdebatan ini timbul apabila berlaku penyeludupan diesel. Ada pihak dalam kalangan rakyat sendiri mahu subsidi ini dihapuskan. Namun begitu kita tidak boleh lupa golongan yang amat memerlukannya seperti nelayan,” katanya.